



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 29/2011 (17 hingga 23 Julai 2011)

Pada minggu ke-29 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 17 hingga 23 Julai, sejumlah 383 kes Demam Denggi telah dilaporkan, tiada sebarang perubahan berbanding dengan jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 383 kes. Walau bagaimanapun, terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Johor yang meningkat sebanyak 10 kes (40%), Pulau Pinang 8 kes (20%), Kelantan 6 kes (46%), Kedah 5 kes (83%), Pahang 5 kes (42%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 5 kes (14%) dan Perlis meningkat sebanyak 2 kes (100%) (Lampiran A). Perlis merupakan negeri yang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu berturut-turut.

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 23 Julai, sebanyak 11,653 kes dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 58% atau 15,762 kes berbanding dengan 27,415 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 19 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 91 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 87 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 4 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 5 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 66 kes Demam Denggi (Lampiran B). Satu (1) daripada 4 lokaliti *hot spots* ini iaitu Menara Orkid di zon Kepong, WP Kuala Lumpur telah berlaku tempoh wabak melebihi 100 hari.

Hasil pemantauan KKM terhadap indeks nyamuk *Aedes* dewasa pada minggu lepas menunjukkan bahawa kepadatan nyamuk *Aedes* di Selangor dan juga Sarawak adalah tinggi. Kajian populasi nyamuk yang dijalankan mendapati individu di kawasan ini berisiko untuk mendapat gigitan nyamuk sekurang-kurangnya pada kadar 2 hingga 3 ekor sejam. Kepadatan nyamuk dewasa yang tinggi ini menyebabkan orang ramai mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat jangkitan Demam Denggi. Dengan ini, masyarakat setempat perlu mengambil tindakan segera dengan melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk di kawasan masing-masing serta menjalankan aktiviti gotong royong yang berkala bagi memastikan persekitaran kediaman sentiasa bebas dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

Penglibatan masyarakat serta agensi lain dalam aktiviti pencegahan Denggi melalui projek COMBI juga perlu ditingkatkan. Sehingga kini, terdapat 2,168 Projek COMBI telah ditubuhkan termasuk 208 Projek COMBI yang dijalankan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program ini telah memberi impak yang amat baik dalam penurunan kejadian kes denggi dengan menekankan aspek mobilisasi masyarakat. Pihak Kementerian Kesihatan amat berharap lebih banyak pertubuhan dan ketua-ketua masyarakat menubuhkan projek ini di tempat mereka bagi membantu usaha-usaha memerangi Demam Denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 17 hingga 23 Julai 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 19 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 724 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Julai 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 29/2011
(17 hingga 23 Julai 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2010
		Minggu 29 (17 – 23 Julai 2011)	Minggu 28 (10 – 16 Julai 2011)		
1	Perlis	4	2	47	92
2	Kedah	11	6	277	459 (3)
3	P. Pinang	48	40	1,111 (2)	723 (2)
4	Perak	23	27	751 (2)	1,256 (5)
5	Selangor	139	168	4,454 (5)	11,641 (37)
6	WPKL & Putrajaya	42	37	1,062 (1)	2,858 (4)
7	N. Sembilan	11	12	442	1,266 (7)
8	Melaka	7	7	250	393 (7)
9	Johor	35	25	1,017 (5)	2,183 (7)
10	Pahang	17	12	566 (1)	837 (1)
11	Terengganu	12	15	426 (1)	516
12	Kelantan	19	13	390 (1)	1,077 (5)
13	Sarawak	11	15	584	2,761 (12)
14	Sabah	4	4	270 (1)	1,340 (1)
15	WP Labuan	0	0	6	13
	MALAYSIA	383	383	11,653 (19)	27,415 (91)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 29
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Sri Wira	20	69
2	SELANGOR	Gombak	Apartment Bangau	11	37
3	WPKL	Kepong	Menara Orkid	25	103
4	WPKL	Pusat Bandar	Desa Pandan (Blok G1 - G10)	10	38

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 29
BAGI TAHUN 2011
(17 hingga 23 Julai 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Bangau	3.2	3